

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,  
DATO HUSSEIN ONN, DIUPACARA  
PERASMIAN TAMAN JALAN KUANTAN,  
KUALA LUMPUR, PADA HARI RABU,  
1HB. FEBRUARI, 1980  
JAM 9.00 P A G I.

---

1. Yang Berbahagia Datuk Bandar dan Puan Sri.
  2. Yang Berhormat Menteri-Menteri dan  
Timbalan-Timbalan Menteri.
  3. Tuan-tuan dan Puan-puan.
  4. Serta anak-anak sekalian.
- 

Taman Jalan Kuantan ini, merupakan satu lagi kawasan indah dan bersih, bagi penduduk-penduduk di Ibu Negara, beris-tirihat diwaktu petang atau diujung minggu. Kedudukannya yang berhampiran dengan kawasan perumahan dan kampung-kampung, menjadikannya lebih dekat dikunjungi

2.

oleh gulungan rakyat yang berpendapatan rendah.

2. Ibu-bapa dari kawasan perumahan Jalan Pekeliling, Kampong Baru, Kampong Datuk Keramat, Sentul, Setapak dan Gombak, tentu senang membawa anak-anak mereka ke Taman ini di hari-hari minggu dan hari cuti am, bagi menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada disediakan. Bagi mengekalkan udara nyaman di kawasan ini, semua pihak mestilah menjaga kebersihannya serta mencegah sebarang pencemaran.

...3/-

3.

3. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Datuk Bandar dan lain-lain anggota Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Yang ke 6, Penubuhan Wilayah Persekutuan, kerana sudi menjemput saya ke majlis ini, dan seterusnya memberi penghormatan kepada saya meresmikan taman bunga ini.

4. Langkah mengadakan taman ini, adalah satu usaha Dewan Bandaraya, untuk menjadikan Ibu Negara kita sebagai sebuah bandaraya yang indah, dan menjadikan Kuala Lumpur ini sebagai "Garden City". Saya percaya

....4/-

hasrat dan cita-cita ini akan dapat dihasilkan, kiranya ada penyertaan yang bersungguh-sungguh, serta kerjasama dan 'commitment' oleh semua lapisan masyarakat dan penduduk di Wilayah Persekutuan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

5. Keindahan serta kebersihan Kuala Lumpur, tidak semata-mata terhadap kepada kawasan-kawasan yang dirancang dan dikawal dengan rapinya, seperti di taman-taman bunga. Keindahan Kuala Lumpur hendaklah ternampak dan kelihatan di mana-mana sahaja, iaitu

5.

disegenap tempat, seperti di lorong-lorong belakang, di warung-warung atau di gerai-gerai makan; di tempat-tempat perhentian bus, di sekeliling bangunan-bangunan, di tepi-tepi jalanraya, atau di sepanjang-panjang sungai. Keadaan ini hanya akan tercapai, kiranya setiap keluarga menunaikan kewajiban mereka, terhadap keindahan dan kebersihan di dalam dan di luar rumahnya sendiri; peniaga-peniaga terhadap kebersihan kedai-kedainya; tuan-tuanpunya bangunan terhadap kebersihan dan keindahan bangunan-bangunan kompleksnya serta kawasan-kawasan di sekelilingnya. Kita tidak boleh meletakkan tanggungjawab ini

6.

semata-mata kepada Dewan Bandaraya. Adalah menjadi tugas dan kewajipan semua pihak, bersama-sama mengindahkan kecantikan serta meningkatkan mutu kebersihan Bandaraya kita.

6. Pada masa sekarang, terdapat keadaan bangunan-bangunan yang kurang terjaga, tinggal terbiar tanpa diselenggarakan dengan sempurna. Tuan-tuanpunya tidak mempunyai rancangan hendak mengindahkan bangunan-bangunan mereka, jauh sekali hendak mengadakan rancangan 'landscaping'. Bangunan-bangunan yang masih baru dan indah dari segi rekabentuknya, boleh menjadi semakin menarik dan sejok pemandangannya,

... 7/-

7.

jika dihiasi dengan ruang untuk taman bunga kecil atau 'landscaping'.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

7. Kita belum boleh berbangga dengan bentuk pembangunan kita yang berjalan sekarang ini, yang hanya mementingkan pembinaan bangunan-bangunan yang tersergam tinggi, atau projek-projek infrastruktur sahaja. Kemudahan-kemudahan rekreasi, tempat berehat atau tempat-tempat bermain bagi orang ramai, perlu juga dibina bersama-sama dengan projek bangunan-bangunan besar dan projek-projek perumahan. Kemudahan-kemudahan yang berupa taman kawasan

8.

lapang, kolam renang, dewan atau padang permainan dan dewan orangramai, masih lagi kurang di Ibu Negara kita. Kemudahan-kemudahan seperti ini memang berguna. Disamping dapat memberi faedah dari segi kesihatan dan kesenian, ia juga berguna dalam membina akal dan sikap yang wajar dan waras bagi kanak-kanak. Kemudahan-kemudahan ini, memberi peluang kepada rakyat bergaul, berkenalan serta bermesra. Suasana ini amatlah penting bagi mewujudkan perpaduan dan persefahaman.

...9/-

9.

8. Dengan adanya rancangan Dewan Bandaraya hendak memajukan tiga lagi kawasan untuk taman seperti ini, maka semangat toleransi dan bersefahaman di kalangan rakyat berbagai kaum dan keturunan, serta dari berlainan agama, akan dapat diperluas dan dieratkan lagi. Saya menggesa semua pihak, supaya membantu Dewan Bandaraya melaksanakan projek-projek seperti ini. Sokongan dan kerjasama dari syarikat-syarikat besar, dan Jabatan atau institusi-institusi Kerajaan, akan dapat mempercepatkan lagi pelaksanaan taman-taman yang diusahakan oleh Dewan Bandaraya.

... 10/-

10.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

9. Datuk Bandar telah juga memberi penghormatan kepada saya menamakan taman ini. Beberapa nama telah dikemukakan dan saya telah memilih TITIWANGSA. Titiwangsa adalah nama Banjaran Gunung, yang menjadi tulang belakang Semenanjung Malaysia. Oleh kerana pemandangan tanah datar kawasan taman ini, berhadapan dengan banjaran gunung tersebut, dan kehijauan taman ini menggambarkan suasana pemandangan dan iklim banjaran gunung itu, maka Titiwangsa adalah nama yang amat sesuai bagi taman ini. Mudah-mudahan dengan berkat

...11/-

11.

nama yang baik, maka makbullah hasrat dan cita-cita kita, hendak menjadikan Kuala Lumpur sebuah 'bandar dalam taman'.

10. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih serta penghargaan kepada Dewan Bandaraya, khususnya kepada Datuk Bandar, di atas penghormatan yang telah diberikan kepada saya berdua di majlis ini. Saya berdoa kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, supaya diberi perlindungan kepada setiap orang yang menggunakan kemudahan di Taman ini.

...12/-


12.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

II. Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya, mengisytiharkan taman ini, sebagai TAMAN TASIK TITIWANGSA dan seterusnya merasmikan pembukaannya.

Terima kasih.

\*\*\*\*\*





No Siri .....	467
No Penerimaan .....	86/81

